

BULETIN

PATRIOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tahniah dan Selamat Datang

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

TDM

EKSESAIS PARA PREDATOR SIRI 1/2021

TLDM

EKSESAIS TAMING SARI 20/21

TUDM

EKSESAIS WIRA CARILAMAT 2/21

ISSN 1511-1849

EDISI
2/2021
(MEI-OGOS)

- 3 EDITORIAL
- 4 'BAGAI SIRIH PULANG KE GAGANG'
- 5 MINDEF PRIHATIN
- 6 PROGRAM VAKSINASI: PUSAT PEMBERIAN VAKSIN PANDU LALU TENTERA DARAT
- 8 ATM JAYAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-64
- 10 TERIMA KASIH DAN TAHNIAH
- 11 TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG
- 12 LENSA AKTIVITI TIMBALAN MENHAN
- 13 KEMENTERIAN PERTAHANAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM KESELAMATAN SIBER
- 14 PERSIDANGAN *DEFENCE CHIEFS' CONFERENCE* (FDCC): PERKUKUH KOMITMEN, PRINSIP ASAS PERTAHANAN
- 15 'GREATER KLANG VALLEY SPECIAL TASK FORCE': KERJASAMA ANTARA ATM DAN KKM
- 16 EKSESAIS PARA PREDATOR TINGKAT KESIAGAAN TDM DALAM MENDEPANI ANCAMAN TERHADAP KEDAULATAN NEGARA
- 18 KEJAYAAN PENEMBAKAN 3 BUAH PELURU BERPANDU DALAM EKSESAIS TAMING SARI 20/21 BUKTI KEUPAYAAN TLDM
- 20 EKSESAIS KELAWAR 12/21 UJI KECEKAPAN DAN KESIAGAAN KRU PESAWAT EC 725 AP DAN PASKAU
- 22 PUSAT PERKHIDMATAN SETEMPAT JHEV ATM (ONE STOP CENTER)
- 23 PENGHAYATAN DAN KESEDARAN RAKYAT TERHADAP GOLONGAN VETERAN ATM
- 24 PROGRAM TRANSISI KERJAYA DAN PEMBANGUNAN KENDIRI ANGGOTA TENTERA DARAT
- 25 JEJAK JAYA: 'BAKERI SERINGGIT'
- 26 UJIAN PRESTASI MEMBREK KENDERAAN TENTERA DARAT
- 28 PEMERGIAN YANG DIRINDUI
- 30 SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2021 PUSPANITA
PROGRAM 1 TENTERA 1 AL-QURAN PENUHI KEPERLUAN KEROHANIAN ANGGOTA MUSLIM ATM
- 31 TAHUKAH ANDA?
- 32 IKLAN KOPERASI TENTERA





EDITORIAL PATRIOT EDISI 2 TAHUN 2021

Penaung

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Penasihat

Puan Adreena binti Abdul Majid

Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor

Saiful Hisham bin Mansor

Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Penolong Ketua Editor

Lt Kol Zuhairy bin Limat

Editor

Mej Hafiza bin Ismail

Muhammad Syurahbil bin Hashim

Mazaitul Azwa binti Abdullah

Tim Editorial

Harziela binti Abd Hamid

Noor Azreen binti Mohd Arrifin

Foto

Unit Komunikasi Strategik;
Perhubungan Raya Tentera Darat;
Perhubungan Raya Tentera Laut Diraja Malaysia;
Perhubungan Raya Tentera Udara Diraja Malaysia;
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia

☎ 03-4012 3305

🌐 www.mod.gov.my

✉ penerbitan.uksg@gmail.com

🇲🇾 Kementerian Pertahanan Malaysia

📷 [mindefmalaysia](https://www.instagram.com/mindefmalaysia)

🐦 [@MINDEFMalaysia](https://twitter.com/MINDEFMalaysia)

📺 Kementerian Pertahanan

📺 [MindefUpdate](https://www.youtube.com/channel/UC...)



Dari Meja Editor...

Belajar Dari Kegagalan

“Kegagalan adalah lumrah dalam kehidupan. Setiap dari kita pasti pernah merasai kegagalan dalam kehidupan. Kegagalan memberikan pengalaman yang sangat berharga jika kita mengambil iktibar di sebalik kegagalan tersebut. Tanpa kegagalan kita tidak pernah tahu di mana kesalahan kita. Kegagalan hari ini tidak bermakna kita akan gagal untuk selama-lamanya. Seandainya kita tidak pernah gagal dalam kehidupan hari ini, kita tidak akan pernah merasai betapa pahitnya kegagalan dan betapa manisnya kejayaan. Jadikan kegagalan yang berlaku sebagai batu loncatan untuk kita gandakan usaha agar kejayaan yang diingini tercapai. Jangan sesekali menyerah kalah, terus kuatkan semangat dan tanamkan tekad untuk terus berjaya.”

“Gagal itu perkara biasa tetapi bangun selepas gagal itu adalah luar biasa”

“Bagai Sirih Pulang ke Gagang”



Tahniah dari kami warga Kementerian Pertahanan di atas pelantikan YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein sebagai Menteri Kanan Pertahanan yang baharu.

Meningkap penglibatan YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, beliau pernah memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan pada 16 Mei 2013 sehingga 10 Mei 2018. Ketika era pentadbiran beliau, banyak kejayaan yang telah dikecapi oleh Kementerian Pertahanan. Semoga Kementerian Pertahanan terus menjadi peneraju pertahanan negara yang berwibawa di bawah kepimpinan YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein.

Biodata YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:



Lahir pada
5 Ogos 1961
di Kuala Lumpur



Merupakan
ahli Parlimen Sembrong
dari parti Pertubuhan Kebangsaan
Melayu Bersatu (UMNO)



Pendidikan Awal : 1967- 1973 :Sekolah Rendah St. John's Kuala Lumpur dan peringkat menengah di Kolej Melayu Kuala Kangsar.
Melanjutkan pengajian di University of Aberystwyth, Wales, United Kingdom dan dianugerahkan Ijazah Undang-Undang (LLB Hons) pada tahun 1984.
Kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan memperolehi LLM (London) dalam bidang Undang-Undang Komersil dan Korporat daripada London School of Economics, United Kingdom pada tahun 1988.



Pada 11 Mei 1995, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
Pada tahun 1997 beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan seterusnya menjawat jawatan sebagai Menteri Belia dan Sukan pada tahun 1999 sehingga 2004.
2004 sehingga 2009, beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran dan pada tahun 2009 sehingga **2013 dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri.**
YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein turut diberi kepercayaan memangku jawatan Menteri Pengangkutan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 dan ketika itu beliau menangani insiden kehilangan Pesawat MH 370 dan tragedi MH 17.
16 Mei 2013 hingga 10 Mei 2018 beliau telah dilantik sebagai Menteri Pertahanan.
10 Mac 2021 sehingga 16 Ogos 2021 beliau telah dilantik sebagai Menteri Luar Negeri.



'MINDEF PRIHATIN'

BANTU RINGKANKAN BEBAN WARGA PERTAHANAN

Menyedari hakikat ramai rakyat yang terjejas dengan situasi pandemik COVID-19, Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif melalui Program "MinDef Prihatin". Objektif program ini adalah untuk meringankan beban yang dialami dan membantu warga pertahanan yang terjejas dari segi pendapatan isi rumah terutamanya bagi mereka yang dikategorikan sebagai asnaf serta mereka yang tergolong dalam golongan berpendapatan rendah (B40).

Program "MinDef Prihatin" telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 19 Julai 2021 bertempat di ruang legar Wisma Pertahanan. Pihak kementerian telah menerima sumbangan sebanyak RM50,000 daripada Bank Islam, sumbangan zakat korban iaitu Amal Ihtimam Korban 1422H/2021M kepada asnaf Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di

Kementah berjumlah RM38,000. Selain itu, sebanyak RM80,000 berupa barangan keperluan asas yang disumbangkan oleh Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) akan disalurkan kepada kedai-kedai PERNAMA di seluruh Malaysia.

Pihak kementerian berhasrat untuk memperluaskan program ini ke beberapa lokasi lain antaranya di Kem-kem Tentera di seluruh negara dan sasaran utama adalah golongan Veteran ATM dan masyarakat awam setempat dengan mempelbagaikan kaedah pemberian dan agihan. Sikap keprihatinan terhadap kebajikan serta kesejahteraan warga menjadi keutamaan Kementerian Pertahanan. Pelaksanaan program ini juga adalah sebagai salah satu langkah pihak kementerian bagi menyokong usaha kerajaan dalam membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.



PROGRAM VAKSINASI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN PANDU LALU TENTERA DARAT

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) secara pandu lalu kepada anggota tentera, ahli keluarga serta warga awam Kementerian Pertahanan.

Pelaksanaan program ini adalah untuk menyokong usaha kerajaan dalam pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Dengan pembukaan PPV secara pandu lalu, pihak Kementerian Pertahanan menyasarkan sekurang-kurangnya 1,000 sehingga 2,000 individu diberikan suntikan vaksin dalam masa sehari dan usaha mencapai imuniti kelompok untuk lebih 500,000 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) boleh dicapai dalam tempoh tiga (3) bulan.

Objektif pelaksanaan PPV Pandu Lalu adalah untuk mempergiatkan proses vaksinasi secara sistematik dengan kapasiti pelaksanaan yang lebih besar selain dapat menjimatkan masa. Malah pendekatan ini dilihat lebih selesa, selamat serta dapat mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan rakyat dengan lebih berkesan kerana mereka tidak perlu beratur dan menunggu lama seperti yang berlaku di pusat-pusat pemberian vaksin.





Lokasi pertama bagi perintis pelaksanaan program PPV Pandu Lalu Tentera Darat adalah di Kem Perdana Sungai Besi yang telah dilaksanakan pada 8 Jun 2021, manakala lokasi kedua bagi program ini adalah di Kem Muara Tuang, Sarawak pada 19 Jun 2021 dan lokasi ketiga di Kem Lok Kawi, Sabah pada 26 Jun 2021. YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Pertahanan telah hadir di ketiga-tiga lokasi program bagi menyaksikan pelaksanaan PPV ini.

Sehingga Ogos 2021, sebanyak 13 PPV yang telah dilaksanakan di Kem-kem Tentera Darat melibatkan lapan (8) PPV Pandu lalu di Semenanjung dan lima (5) PPV Pandu Lalu di Sabah dan Sarawak.

Kementerian Pertahanan dan ATM akan terus komited dalam mendokong hasrat serta aspirasi kerajaan untuk mewujudkan imuniti kelompok. Pemberian vaksin kepada anggota tentera amat penting sebagai persediaan dalam mempertahankan negara. Selain itu, inisiatif bertujuan untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 dan memastikan warga ATM bersama keluarga mereka serta kakitangan awam Kementerian Pertahanan yang berhadapan risiko penugasan sebagai petugas barisan hadapan (frontliners) tidak akan dijangkiti oleh wabak yang boleh membawa maut ini.



ATM JAYAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-64

***Tanggal tiga puluh satu
Bulan lapan lima puluh tujuh
Merdeka, merdeka
Tetaplah merdeka
Ia pasti menjadi sejarah...***

Saban tahun apabila menjelang bulan kebangsaan lagu nyanyian Allahyarham Sudirman Hj. Arshad akan kedengaran di corong-corong radio dan juga televisyen. Pada tahun ini, Malaysia meraikan Hari Kebangsaan yang ke-64. Namun sejak dua (2) tahun kebelakangan ini nikmat kemerdekaan yang kita kecapai sedikit tergunat apabila kita terpaksa menentang musuh yang tidak kelihatan.

Sebelum merdeka, pahlawan-pahlawan tanah air berjuang menentang penjajah yang kelihatan namun situasi kali ini amat berbeza sekali apabila barisan *frontliners* saban hari menggembelng tenaga tanpa mengira waktu bertungkus lumus untuk merawat serta mengekang penularan wabak COVID-19 yang tidak kelihatan.

Walaupun negara sedang bergelut dalam memerangi COVID-19, sambutan Hari Kebangsaan tetap disambut dan diraikan secara sederhana dalam suasana norma baharu dengan mengikut saranan Majlis Keselamatan

Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pemantauan yang ketat bagi semua prosedur operasi standard (SOP) melibatkan penjarakan fizikal, pergerakan, pemakaian pelitup muka dan sanitasi di lokasi. Gelembung khusus (safety bubble) diwujudkan bagi memastikan tiada percampuran berlaku yang akan membuka ruang kepada risiko yang tidak diinginkan. Semua petugas dan peserta persembahan diwajibkan lengkap dua dos vaksin dan menjalani ujian calitan (swabtest).

Sekali lagi tema Malaysia Prihatin diangkat sebagai tema Hari Kebangsaan pada tahun ini bertepatan dengan situasi yang sedang melanda rakyat Malaysia ketika ini. Perkataan Malaysia membawa pengertian seluruh rakyat negara ini turut bersama-sama dengan kerajaan dalam memerangi COVID-19 manakala prihatin merujuk kepada keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui pelbagai inisiatif prihatin yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

Sambutan Hari Kebangsaan 2021 telah diadakan di Dataran Pahlawan Negara pada 31 Ogos 2021 berkonsepkan sambutan secara terbuka, terkawal dan berskala kecil dan terhad tanpa melibatkan kehadiran orang awam di lokasi sambutan seperti kelaziman sebelum ini. Sambutan kali ini memperlihatkan sebanyak empat (4) persembahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu tiga (3) persembahan di lapangan dan satu (1) pertunjukan udara.

Persembahan Drumline ATM yang dipimpin oleh Drum Major Staf Sarjan Madzain bin Medol dengan kekuatan seramai 60 anggota dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Manakala Persembahan Kawad Senyap telah dijayakan oleh Pasukan Kawad Senyap TLDM dari Pangkalan TLDM, Lumut, Perak yang diketuai oleh Laskar Kanan PAP Mohd Helmi Bin Masuhudi dengan penglibatan 60 anggota TLDM.

Pancaragam Gabungan Badan Beruniform pula telah diketuai oleh Mejar Mohd Rizal bin Hj Mohd Nor TUDM yang melibatkan gabungan mantap dari Pancaragam Gabungan ATM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Pertunjukan udara juga turut diadakan dengan melibatkan pesawat pejuang dan pesawat pengangkut TUDM yang terdiri daripada Sukhoi 30MKM, F/A-18D Hornet, Hawk, A400M dan C130. Segmen ini memaparkan kebolehpayaan dan kesiagaan TUDM hasil gabungan kemahiran dan kepakaran warga TUDM khas untuk Hari Kebangsaan 2021.

Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM serta Panglima-Panglima Perkhidmatan turut sama hadir di Dataran Pahlawan Negara untuk meraikan sambutan Hari Kebangsaan dalam norma baharu ini.





TERIMA KASIH DAN TAHNIAH YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA MENTERI



Ribuan terima kasih warga MinDef ucapkan kepada YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob atas segala jasa dan sumbangan terhadap organisasi ini.

TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN MENTERI KANAN PERTAHANAN



LENSA AKTIVITI TIMBALAN MENHAN

MEI HINGGA OGOS 2021



23 Jun 2021 - Kunjungan Hormat CP Dato' Azmi bin Abu Kassim, Ketua Polis Kuala Lumpur, ke atas YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan.



28 Jun 2021 - Kunjungan Hormat Military Attache Saudi Arabia Di Malaysia ke atas YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan.



21 Julai 2021 - Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia ke atas YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan.



22 Julai 2021 - Penyerahan Sumbangan PPES oleh Top Glove Corp Bhd kepada Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HAT MIZAN).



30 Julai 2021 - Kunjungan Hormat Duta Besar Malaysia Ke Oman ke atas YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM KESELAMATAN SIBER

Menyedari akan ancaman siber yang semakin meningkat ketika ini Kementerian Pertahanan melalui Seksyen Media Sosial, Unit Komunikasi Strategik, telah menganjurkan Majlis Pemerksaan Media Sosial secara maya pada 3 Ogos 2021 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Sepanjang empat (4) bulan pertama bagi tahun ini, sebanyak 3,647 laporan berkaitan insiden keselamatan siber telah dilaporkan melibatkan penipuan dalam talian, pencerobohan, kod jahat dan gangguan siber. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut terkena tempiasnya. Oleh itu, aspek sistem keselamatan siber perlu dipertingkatkan dan diperkemas lagi agar dapat mengawal serta mencegah berlakunya sebarang insiden serangan siber terutamanya penggunaan media sosial yang semakin berkembang pesat di era teknologi baharu.

YBhg. KSU turut memberi penekanan mengenai kebenaran dan kesahihan sesuatu maklumat yang ingin dikongsikan. Jika tidak pasti jangan kongsi. Pastikan maklumat yang ingin disampaikan telah melalui tapisan keselamatan dan mendapat kelulusan agar maklumat yang dimuat naik adalah tepat, sahih dan benar. Melalui Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Tentera 1972, penjawat



awam Kementerian Pertahanan dan ATM dinasihatkan agar tidak terjebak dengan penuluran berita palsu di mana-mana medium sosial yang dilihat sebagai platform yang menjadi tumpuan pada masa kini.

Pihak Kementerian Pertahanan dan ATM tidak akan berkompromi dengan warga pertahanan yang terlibat dalam insiden ini dan tindakan sewajarnya akan diambil ke atas mereka.

“sebagai penjawat awam dan ATM kita tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 serta Akta Angkatan Tentera 1972.”

PERSIDANGAN DEFENCE CHIEFS' CONFERENCE (FDCC): PERKUKUH KOMITMEN, PRINSIP ASAS PERTAHANAN



Persidangan Defence Chiefs' Conference (FDCC) yang ke-20 telah diadakan secara maya pada 23 Jun 2021 bertempat di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur. Persidangan ini dianjurkan secara bergilir-gilir antara Malaysia dan Singapura dan kali terakhir dianjurkan oleh Singapura pada tahun 2019. Kesemua Panglima Angkatan Tentera negara-negara anggota Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) telah menghadiri persidangan ini dan telah mencapai kata sepakat untuk memperkukuhkan komitmen serta prinsip-prinsip kepada peraturan pertahanan.

Penganjuran persidangan ini dilihat sebagai platform untuk Panglima Angkatan Tentera negara-negara anggota FPDA bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan kapasiti serta keselamatan serantau. Selain itu, persidangan juga merupakan forum profesional ketenteraan peringkat tertinggi dalam FPDA. Panglima Angkatan Tentera, General Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM telah

mempengerusikan persidangan kali ini secara maya yang telah dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera Australia, Jeneral Angus Campbell; Panglima Angkatan Tentera New Zealand, Air Marshal Kevin Short; Panglima Angkatan Tentera Singapura, Leftenan Jeneral Melvyn Ong Su Kiat; dan Timbalan Panglima Angkatan Tentera United Kingdom, Laksamana Sir Tim Fraser.

Aspek yang diberikan penekanan dalam persidangan ini adalah berkenaan kepentingan FPDA sebagai peraturan pertahanan yang konstruktif dan telus merupakan sebahagian daripada struktur keselamatan serantau. Selain meneruskan dan memperkukuhkan

latihan ketenteraan dalam bidang peperangan konvensional, persidangan pada kali ini bersetuju supaya FPDA meneruskan pembangunan keupayaan peperangan bukan konvensional selari dengan cabaran keselamatan semasa dan akan datang melalui latihan yang berkaitan dengan ancaman keganasan, bantuan kemanusiaan dan bencana serta keselamatan maritim.

Selain itu, Panglima Angkatan Tentera negara-negara anggota FPDA turut diberikan taklimat berkenaan dengan aspek keselamatan persekitaran serantau oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan Malaysia (BSPP), aktiviti/latihan FPDA yang telah diadakan tahun 2019/2020 dan isu berkaitan pembangunan Headquarters Integrated Area Defence System (HQIADS) oleh Komander HQIADS, Air Vice Marshal, Geoffrey Harland.

Di akhir sesi, Panglima Angkatan Tentera negara-negara anggota FPDA turut menyatakan penghargaan atas kejayaan penganjuran FDCC ke-20 dan menantikan sambutan Jubli Emas FPDA ke-50 pada tahun ini.





'GREATER KLANG VALLEY SPECIAL TASK FORCE' : KERJASAMA ANTARA ATM DAN KKM

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan memaklumkan penubuhan Pasukan Bertindak Khas atau juga dikenali sebagai 'Greater Klang Valley Special Task Force' (GKV STF) semasa sesi lawatan beliau ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Bersepadu Taman Ekspo Pertanian Serdang (MAEPS) 2.0 pada 7 Ogos 2021. Penubuhan pasukan ini bertujuan melaksanakan pelan tindakan yang lebih efektif, cepat dan menyeluruh ke atas sistem perkhidmatan kesihatan sedia ada bagi mengurangkan kadar kematian akibat kelewatan mendapat rawatan di hospital.

GKV STF akan diterajui bersama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan pelantikan secara rasmi oleh KKM ke atas pegawai-pegawai yang terlibat telah dibuat pada 18 Julai 2021. Pasukan ini bertindak melaksanakan operasi merangkumi kawasan Lembah Klang termasuk utara Negeri Sembilan, barat Pahang dan selatan Perak.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan ATM, Leftenan Jeneral Dato' (Dr) Zulkeffeli bin Mat Jusoh telah dilantik untuk mengetuai Kumpulan Pengurusan Strategik manakala Brigedier Jeneral (Dr) Mohd Arshil bin Moideen dilantik sebagai Komander Bersama *Joint Task Force* di peringkat operasi. Pasukan ini di anggotai seramai 12 orang pegawai yang terdiri daripada pakar-pakar kesihatan dan perubatan, logistik perubatan dan pentadbiran di bawah Perkhidmatan Kesihatan ATM serta lima (5) pegawai dari Bahagian Logistik Pertahanan ATM.

Seramai 1,000 anggota ATM telah digerakkan bagi membantu hal-hal berkaitan logistik di PKRC Bersepadu

MAEPS 2.0. Sejumlah 750 anggota daripada mereka akan membantu perkara-perkara yang berkaitan dengan oksigen dan selebihnya urusan logistik. Selain itu, anggota ATM turut digerakkan bagi membantu petugas kesihatan di hospital sekitar Lembah Klang antaranya Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Kajang dan Hospital Serdang.

ATM melalui Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT) turut merancang langkah strategik bagi mengoptimumkan tindakan pengesanan kes, perkhidmatan perawatan, sokongan logistik perubatan dan am, perkhidmatan sokongan kepada komuniti, petugas kesihatan dan barisan hadapan.

Inisiatif utama yang giat dilaksanakan ketika ini adalah meningkatkan kapasiti katil, penjagaan ICU, bekalan oksigen, mobilisasi tenaga kerja, pemindahan pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta, pengurusan logistik dan bantuan anggota dari ATM serta sukarelawan.

Dalam tempoh dua minggu gerak kerja GKV STF ini, ATM telah membantu menghantar sebanyak 548 katil pesakit ke lima buah hospital di Lembah Klang serta 90 unit *Oxygen Concentrator* ke Hospital Pakar Kanak.





EKSESAIS PARA PREDATOR TINGKAT KESIAGAAN TDM DALAM MENDEPANI ANCAMAN TERHADAP KEDAULATAN NEGARA

Penulis : Mej Siti Aishah binti Noor

Eksesais Para Predator Siri 1/2021 yang berlangsung pada 28 Ogos 2021 telah menyaksikan kejayaan serta keunggulan 10 Briged PARA dalam kesiagaan mendepani ancaman musuh. Secara tidak langsung kejayaan eksesis ini telah menaikkan nama Briged (PARA) Ke-10 Infantri Malaysia ke tahap terbaik. Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, telah menyaksikan sendiri eksesis ini dan menzahirkan rasa bangga terhadap kecekapan dan semangat tinggi yang dipamerkan oleh pasukan elit itu.

Tujuan pelaksanaan Eksesis Para Predator Siri 1/2021 adalah untuk mempertingkatkan tahap kesiagaan dan kompetensi setiap Leading Para Battle Group (LPBG) dalam aturgerak pelaksanaan operasi di barisan belakang musuh. Selain itu, eksesis ini adalah bagi melatih anggota 10 Briged (Para) dalam

pelaksanaan *Airborne Operation* yang merangkumi beberapa penugasan khusus seperti *Small Unit Operations, Raid, Recon Operations, Link up Operations, Airborne Op (Mass Drop), Assault River Crossing, OBUA, Raid, Ambush, Battle Hand Over* termasuk *Breakout*.



Pelaksanaan Eksesais Para Predator bukan hanya menilai tahap kepimpinan setiap lapisan pemerintahan malah tahap kompetensi atau keupayaan setiap pasukan tempur dalam menguji ketahanan fizikal dan mental anggota untuk berhadapan dengan situasi tekanan yang sebenar dalam sebarang bentuk krisis.

Pendedahan kepada ancaman sebenar semasa latihan merupakan inisiatif utama eksesais ini bagi melatih setiap anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam menggambarkan keupayaan dan kesiagaan sebenar aturgerak TDM selain berkongsi pengetahuan termasuk penerapan kesedaran kepada orang ramai berkaitan aspek keselamatan termasuk peranan TDM secara kognitifnya.

Eksesais ini turut melibatkan beberapa aset seperti helikopter A109 LOH dan EC 725, kenderaan perisai ADNAN ACV 300 dan GEMPITA AV8, Pontoon dan beberapa kenderaan lain dari Kor Armor Diraja (KAD) serta penggunaan aset Jambatan Tempur dari Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD). Keanggotaan eksesais melibatkan hampir 2,000 orang anggota TDM yang terdiri daripada pelbagai elemen dari markas dan pasukan 10 Briged (PARA), Kompeni Infantri Mekanis, Pasukan Udara Tentera Darat termasuk bantuan udara dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Mengimbuai kembali sejarah, 10 Briged (PARA) telah ditubuhkan pada 10 Oktober 1994 di negeri Melaka. Briged ini merupakan briged di bawah Trup TD dan turut dikenali sebagai Pasukan Atur Cepat yang merupakan elemen tempur TD.



KEJAYAAN PENEMBAKAN 3 BUAH PELURU BERPANDU DALAM EKSESAIS TAMING SARI 20/21 BUKTI KEUPAYAAN TLDM

Artikel Oleh : Lt Dya Mohd Mazliezumi bin Ahamed PSSTLDM NV/8705096

Keupayaan aset-aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dibuktikan dalam Ekseksais Taming Sari 20/21 yang telah dilaksanakan pada 12 Ogos 2021. Melalui kejayaan penembakan dua (2) buah peluru berpandu EXOCET MM40 oleh KD LEKIU dan KD LEKIR diikuti kejayaan penembakan peluru berpandu EXOCET SM39 oleh kapal selam KD TUN RAZAK di Perairan Laut China Selatan.

Hasil kerjasama bersepadu, ekseksais tersebut telah melibatkan seramai 1,080 warga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Secara keseluruhan, kekuatan ketumbukan Ekseksais Taming Sari 20/21 terdiri daripada sembilan (9) buah kapal iaitu KD LEKIU, KD LEKIR, KD JEBAT, KD MAHAWANGSA, KD GAGAH SAMUDERA, KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL, KD GANYANG, KD KINABALU, KD SUNDANG dan disokong bersama oleh

penglibatan lima (5) buah Fast Combat Boat (FCB), sebuah kapal selam KD TUN RAZAK, dua (2) buah Super Lynx TLDM, empat (4) buah pesawat TUDM iaitu B200T, EC 725, F/A 18D Hornet, dan dua (2) buah aset APMM iaitu AS365 N3 DAUPHIN, dan AW139 turut sama menjayakan pelaksanaan ekseksais tersebut.





Objektif Eksesais Taming Sari 20/21 ini adalah untuk mewujudkan suasana peperangan maritim yang sebenar dalam aspek perancangan dan pelaksanaan di lapangan dalam meningkatkan tahap kesiagaan aset-aset TLDM. Selain itu, eksesais yang berlangsung selama enam (6) hari ini juga bertujuan menguji keupayaan peralatan pengesanan, penjejak dan sistem pelancar misil bagi aset permukaan dan kapal selam TLDM. KD LEKIU dan KD LEKIR, masing-masing telah melancarkan peluru berpandu jenis EXOCET MM40 Block II terhadap sasaran permukaan, sementara kapal selam, KD TUN RAZAK telah melancarkan peluru berpandu jenis EXOCET SM39 Block II semasa berada di bawah permukaan. Keberhasilan penembakan peluru berpandu ini tepat mengenai sasaran yang berada pada jarak 30 batu nautika atau 55 kilometer bagi EXOCET MM40 Block II. Manakala peluru berpandu EXOCET SM39 dari kapal selam KD TUN RAZAK telah dilancarkan dari jarak 20 batu nautika atau 37 kilometer dari sasaran.

Selaras eksesais ini, TLDM telah menguatkuasakan langkah keselamatan dalam memastikan keselamatan bot-bot nelayan tempatan dan kapal-kapal dagang yang berhampiran kawasan penembakan sentiasa terjamin. Beberapa buah kapal TLDM telah diatur gerak bagi melaksanakan tugas 'pembersihan' kawasan penembakan dengan melakukan pengedaran notis penembakan kepada komuniti bot-bot nelayan setempat. Pesawat TLDM jenis SUPER LYNX turut melakukan 'first light sweep' pada awal pagi di kawasan penembakan dan seterusnya 'last sweep' telah dilaksanakan 30 minit sebelum penembakan dilaksanakan dalam usaha memastikan kawasan tersebut telah selamat untuk tujuan pelaksanaan penembakan.

Kejayaan penembakan kesemua peluru berpandu ini yang tepat mengenai sasaran jelas membuktikan sikap profesionalisme, keupayaan dan ketersediaan warga TLDM yang amat membanggakan dalam aspek pengendalian aset pertahanan negara. Berbekalkan penerapan nilai kemuliaan, kesetiaan, keberanian dan kebanggaan (4K) dalam diri setiap warga TLDM telah membuahkan hasil dan kejayaan yang dikehendaki, walaupun umum sedia maklum sebilangan aset TLDM ini telah menjangkau usia melebihi 40 tahun.

The Navy People sentiasa meletakkan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memastikan kesiapsiagaan armada TLDM sentiasa berada di tahap tertinggi dalam usaha memelihara dan menjamin kedaulatan maritim negara.



EKSESAIS KELAWAR 12/21 UJI KECEKAPAN DAN KESIAGAAN KRU PESAWAT EC 725 AP DAN PASKAU

Sumber : Facebook TUDM



Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan Eksemais KELAWAR 12/21 di kawasan perairan Operasi Pasir, Sabah bermula 21 hingga 28 Mei 2021. Eksemais seumpama ini kali terakhir dilaksanakan pada tahun 2014 dan tahun ini dilaksanakan dengan beberapa perubahan termasuk norma baharu ketika dilanda krisis kesihatan global pandemik COVID-19.

Eksemais yang dikoordinasikan oleh Markas Wilayah Udara 2 (MAWILUD 2) bertujuan untuk memperkasakan kesiagaan dan kecekapan anak kapal pesawat helikopter EC 725 AP terutamanya ketika negara menghadapi penularan wabak COVID-19 di samping membuat penambahbaikan dalam penerbangan taktikal ketika menghadapi konflik dan ancaman pada waktu malam. Pelaksanaan eksemais ini turut melibatkan usaha sama

bersepadu anak kapal dan skuadron bersama Pasukan Khas Udara (PASKAU) TUDM, Markas ATB 2 serta pasukan sahabat yang lain.

Antara aktiviti eksemais yang dilaksanakan ialah 'Night Tactical Formation, Night Tactical Navigation, Night Aerial Sniping, Aerial Broadcasting using Long Range Acoustic Device (LRAD), Night Overwater Rescue dan Maritime Counter Terrorism Mission (MCTM)'.

Secara keseluruhannya, eksemais kali ini telah mencapai objektif dan misi yang telah ditetapkan. Hasil gabungan semua agensi yang terlibat telah menjadikan eksemais ini berjaya disepadukan dalam memperkasa dan menilai tahap kompetensi anggota yang terlibat terhadap pelaksanaan sesuatu misi, terutamanya sebagai persediaan sekiranya konflik sebenar berlaku.



**“TUDM Mampan, Ruang Angkasa Aman”
Sentiasa Di Angkasa Raya**



PUSAT PERKHIDMATAN SETEMPAT JHEV ATM (ONE STOP CENTER)

Artikel oleh : Mej Ardi bin Mat Zain

Ketua Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM)

Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Setempat (One Stop Center) sebagai salah satu usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada di JHEV ATM yang bertujuan bagi menzahirkan perkhidmatan yang menyeluruh, cepat dan tepat serta memenuhi kehendak Veteran ATM.

Mula beroperasi secara rasmi pada 2 Januari 2021 di aras bawah Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Penubuhan *One Stop Center* ini adalah dengan hasrat memberi perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan lebih efektif serta memudahkan urusan Veteran ATM.

Sistem penyampaian perkhidmatan *One Stop Center* yang diintegrasikan dengan kemudahan digital ini bukan sahaja memudahkan Veteran ATM malahan juga dapat memberikan impak positif kepada JHEV ATM. Perkhidmatan *One Stop Center* berupaya mengurangkan

karenah birokrasi, menjimatkan masa dan kos selain mampu memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti serta efisien kepada warga Veteran ATM.

Selain itu, Kementerian Pertahanan melalui JHEV ATM juga bercadang untuk mewujudkan *Mobile One Stop Center* bagi menyampaikan perkhidmatan kepada warga Veteran ATM di setiap pelusuk negara. Secara tidak langsung, dapat membantu dalam proses menjejaki Veteran ATM yang masih belum berdaftar dengan JHEV ATM.



PENGHAYATAN DAN KESEDARAN RAKYAT TERHADAP GOLONGAN VETERAN ATM

Masyarakat Malaysia masih belum terdedah sepenuhnya kepada pengkhususan istilah Veteran ATM itu sendiri kerana mungkin selama ini sebelum wujudnya Akta Veteran ATM 2012 (Akta 740), masyarakat sering merujuk sebagai bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia, bekas askar, bekas perajurit dan lain-lain lagi. Maka dengan itu, mereka tidak menyedari mengenai kewujudan kelompok veteran ini yang diiktiraf oleh kerajaan melalui akta yang digubal. Oleh yang demikian, penzahiran penghayatan dan kesedaran rakyat secara individu terhadap golongan Veteran ATM dilihat masih boleh dipertingkatkan dengan usaha-usaha yang berterusan.

Masyarakat Malaysia keseluruhannya menghargai jasa dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh para Veteran ATM walaupun mungkin semangat itu tidak seperti era mula-mula negara menyambut kemerdekaan dahulu. Generasi pada masa itu merasa sendiri bagaimana payahnya untuk memerdekakan negara ini. Maka penghargaan dan penghayatan mereka kepada perjuangan dan pengorbanan para Veteran ATM pada masa itu memang tidak dinafikan.



Untuk generasi yang ada pada hari ini mereka barangkali tidak merasai kepayahan dan kegetiran itu yang menjadikan mereka tidak begitu menyedari kewujudan dan mengenali para Veteran ATM. Tambahan pula generasi ini membesar dalam era teknologi tinggi dengan serba kemewahan berbanding pada masa dahulu.

Penghargaan masyarakat kepada para veteran ini bukan sahaja dalam bentuk sumbangan malah boleh juga dizahirkan dalam bentuk seperti berikut:

- Pengiktirafan;
- Peluang pekerjaan yang kondusif; dan
- Kerjasama dengan persatuan-persatuan Veteran ATM dalam aktiviti ekonomi, kemasyarakatan dan sosial.

Masyarakat hari ini terus diseru untuk terus menghargai jasa dan pengorbanan para veteran kita kerana negara yang terbina sekarang bermula daripada perjuangan mereka. Jasa dan sumbangan wira terdahulu bukanlah sesuatu yang boleh dilupakan begitu sahaja kerana pengorbanan mereka terlalu besar dan tinggi nilainya kepada generasi sekarang. Bagi mensyukuri nikmat keamanan yang dikecapi kini, pengorbanan wira negara harus disanjung dan dikenang. Penerapan nilai patriotisme dijadikan sebagai amalan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia bagi memupuk semangat perpaduan yang tinggi akan menjadikan rakyat yang peka dan prihatin terhadap maruah dan kedaulatan negara.



PROGRAM TRANSISI KERJAYA DAN PEMBANGUNAN KENDIRI ANGGOTA TENTERA DARAT

Artikel oleh : Ahmad Rafizal bin Abdul Rahman
Pegawai Media dan Komunikasi Korporat, Unit Komunikasi Korporat
Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)

Program Transisi Kerjaya dan Pembangunan Kendiri Anggota Tentera Darat telah dilaksanakan selama empat (4) hari bermula dari 25 hingga 28 Jun 2021 bertempat di 31 RAD, Kem Tun Ibrahim, Kajang. Program ini adalah anjuran bersama PERHEBAT, MK TD- Cawangan Sumber Manusia dan Institut Pegawai Kanan Tentera Darat (INSPEKA). Seramai 100 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) Tentera Darat telah menyertai program ini.

Pelaksanaan program ini adalah sebagai persediaan persaraan bagi anggota Tentera Darat dengan memberikan pendedahan kepada

peserta berkaitan perancangan strategik kerjaya kedua, pengurusan diri dan kewangan serta mendepani cabaran dunia awam. Peserta program merupakan anggota LLP yang bakal mengikuti Latihan Peralihan pada bulan Julai hingga Disember tahun ini sebelum mereka menamatkan perkhidmatan bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pelaksanaan program ini telah dipantau secara terus oleh Panglima Tentera Darat bagi memastikan kelangsungan kerjaya kedua Veteran ATM mampu menjamin sosioekonomi mereka pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, di akhir pelaksanaan program ini diharapkan peserta mampu memahami trend dan realiti pasaran pekerjaan, nilai sendiri yang mapan serta berupaya mengenal dan mencungkil potensi diri. Pelaksanaan program ini sejajar dengan penetapan Tonggak Ketiga Perintah ULung PTD Ke-28 iaitu 'Pelestarian Kesejahteraan Warga' yang amat menitikberatkan kebajikan kepada warga Tentera Darat Malaysia, termasuk bakal pesara. Majlis penutupan program ini telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Datuk Zamrose bin Mohd. Zain.

JEJAK JAYA: “BAKERI SERINGGIT”

Pegawai Waran II Rozita Seliman (Bersara)
Lundu, Sarawak



“Memulakan perniagaan dengan hanya menjual aneka roti pada harga RM1 yang setanding dengan jenama lain dan dijual di kawasan kampung telah membolehkan saya bertahan sehingga sekarang,” tekad Rozita. Permintaan yang tinggi terhadap produk bakeri keluarannya didorong oleh faktor harga yang amat berpatutan dan variasi pelbagai jenis bakeri yang menepati selera penggemarnya.

Beliau amat bersyukur di sebalik krisis pandemik COVID-19 yang menggugat hampir seluruh sektor ekonomi negara, permintaan terhadap produk makanan seperti bakeri masih kukuh di pasaran semasa. Setakat ini, dengan bantuan tenaga kerja yang terhad Azhar Homemade Bakery mampu menghasilkan lebih 600 biji roti dalam tempoh sehari pengeluaran. Sehingga kini, rangkaian produk bakeri keluarannya telah berjaya dipasarkan bukan sahaja di daerah Lundu malahan sehingga ke Bau, Sematan dan Kuching.

Usahawan Veteran ATM ini sebenarnya mempunyai hasrat dan aspirasi yang tinggi untuk melebarkan sayap perniagaannya agar dapat membantu meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat dengan menawarkan peluang pekerjaan bagi golongan yang memerlukan. Itulah cita-cita yang dipendamkannya selama ini iaitu untuk mewujudkan perniagaan yang dapat melestarikan sosioekonomi komuniti setempat. Azhar Homemade Bakery boleh dihubungi secara online di Facebook Azhar Homemade Bakery dan hubungi 018-665 2991.

Pemilihan kursus yang tepat dalam Latihan Peralihan adalah antara faktor utama yang berupaya membantu melonjakkan kerjaya kedua Veteran ATM setelah bersara. Itulah pandangan Veteran ATM Rozita Seliman, yang kini merupakan usahawan bakeri di Lundu, Sarawak.

Beliau merupakan graduan PERHEBAT dalam kursus Usahawan Bakeri pada tahun 2018. Menurut Rozita yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Waran II Rejimen Semboyan Diraja, pemilihan kursus yang tepat semasa menjalani Latihan Peralihan di PERHEBAT sangat membantunya untuk merangka perancangan selepas bersara.

Kini beliau berjaya membangunkan Azhar Homemade Bakery dengan memiliki dua (2) cawangan di Lundu, Sarawak.

“Bermodalkan sedikit wang pencen, saya membeli perkakasan untuk membuat roti dan membangunkan sebuah bengkel kecil untuk memproses roti. Saya memilih bidang ini kerana permintaan terhadap roti begitu tinggi dan tenaga pengajar PERHEBAT telah menyuntik keyakinan untuk mencuba bidang ini.



UJIAN PRESTASI MEMBREK KENDERAAN TENTERA DARAT


Artikel oleh : Ir. Dr. Shamsul Akmar bin Ab Aziz, Dr. Fadzli bin Ibrahim,
Ir. Adam bin Hj. Gani, Ts. Aizul Fazli bin Suhaimi
Cawangan Teknologi Kenderaan, STRIDE

Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang mempunyai bentuk muka bumi yang pelbagai. Keadaan ini memberikan satu cabaran kepada pengeluar kenderaan dalam memastikan kenderaan yang ingin dibangunkan dapat memenuhi kehendak operasi pengguna.

Keupayaan sesuatu kenderaan diukur melalui piawaian antarabangsa seharusnya memenuhi ciri-ciri keselamatan serta kemampuan yang ditetapkan.

Di Malaysia, sesebuah kenderaan tentera diuji pada tahap yang maksimum sebelum kenderaan boleh digunakan dalam operasi sebenar. Antara ujian yang dilakukan ialah ujian mengharungi lumpur, permukaan berpasir dan batu batan. Selain itu ujian mendaki bukit dengan kecerunan melebihi 60% pada permukaan

bertar yang rata dan juga kecerunan melebihi 40% bagi permukaan tanah merah adalah merupakan prosedur ujian yang perlu dilaksanakan. Bagi memastikan kenderaan ini dapat mengharungi semua ujian tersebut, pengukuran prestasi membrem perlu dijalankan terlebih dahulu untuk menentukan kenderaan ini mampu beroperasi dengan cekap dan yang lebih penting adalah keselamatan pengguna lebih terjamin.



KAEDAH PENGUJIAN


Dalam melaksanakan ujian prestasi membek, STRIDE sebagai sebuah agensi yang mempunyai kepakaran teknikal dalam bidang teknologi kenderaan tentera bertanggungjawab menilai tahap prestasi membek sesebuah kenderaan sebelum diterima masuk ke dalam perkhidmatan Tentera Darat. Ujian dilakukan menggunakan peralatan *Turnkey Portable Brake Tester* (Rajah 1) dengan menggerakkan kenderaan pada kelajuan 30km/j di atas permukaan jalan yang rata dan berturap.



Rajah 1: Turnkey Portable Brake Tester

PERATUS KECEKAPAN MEMBREK

Berdasarkan kajian dan pengujian yang telah dijalankan oleh STRIDE ke atas pelbagai jenis kenderaan tentera sejak beberapa tahun yang lalu mendapati peratus kecekapan membek kenderaan tentera dapat dikelaskan kepada 3 kategori berat kenderaan iaitu Kategori 1 (melebihi 15 tan), Kategori 2 (6-15 tan) dan Kategori 3 (kurang daripada 6 tan). Peratus kecekapan membek bagi ketiga-tiga kategori kenderaan ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kecekapan membek bagi kenderaan kategori 1, 2 dan 3

Purata kecekapan membek bagi kenderaan kategori 1 ialah 51.7%, kategori 2 ialah 58.3% dan kategori 3 ialah 68.9%. Secara umumnya, data yang diperolehi ini adalah mematuhi nilai piawai yang ditetapkan oleh UK MOT (2004) dan Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM). Bagaimanapun, kajian lanjut perlu diteruskan bagi mendapatkan nilai sebenar yang lebih sesuai dengan pengoperasian di persekitaran Malaysia. Oleh itu hasil keputusan ini boleh dijadikan sebagai penanda aras dalam menentukan had minimum bagi kecekapan membek kenderaan tentera di Malaysia.

RUJUKAN

- (1) PUSPAKOM Website. <https://www.puspakom.com.my/inspection-standards/>. Accessed date: Mei 2021.
- (2) Driver & Vehicle Standards Agency. "UK MOT. Inspection manual: cars and passenger vehicles" 2018

PEMERGIAN YANG DIRINDUI

Artikel Oleh: Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber manusia

“Sayangnya

*Harapan yang selama ini ku bawa
Hancur berkecai musnah jua akhirnya
Semuanya bagaikan sebuah mimpi
Kau pergi jua... Adam Ahmad”*

*“Kelmarin dunia terlihat sangat indah
Dan denganmu merasakan ini semua
Melewati hitam-putih hidup ini..Seventeen”*

*“Satu persatu telah pergi
Meninggalkan segala dimiliki
Yang pasti sudah pun tertulis
Di mana mula kan berakhir...Abam Bocey”*

Itu hanyalah secebis keratan lirik-lirik lagu yang menggambarkan kerinduan yang dialami insan yang ditinggalkan akibat kehilangan insan tersayang kerana pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia.

TEKANAN PSIKOLOGI SEWAKTU COVID-19: EMOSI, USAHA MEMBENDUNG DAN KONSEP TAWAKAL

Sejak COVID-19 mula menjangkiti rakyat Malaysia, tiada siapa menjangka wabak ini masih menguasai kehidupan seharian semua. Norma baharu menjadi kebiasaan dan yang biasanya dahulu berubah sama sekali. Cara gaya bekerja juga tidak lagi sama. Hubungan kekeluargaan menjadi akrab walaupun hanya melalui panggilan video. Yang jauh menjadi dekat dan yang pasti keluarga di rumah ada lebih masa bersama.

Bagaikan coretan-coretan sedutan lirik di atas, ramai juga telah pergi tak kembali angkara jangkitan COVID-19. Ada yang tinggal sendirian, ada juga yang hilang tempat bergantung. Paling menyedihkan apabila kanak-kanak kehilangan ibu bapa tanpa adanya keluarga lain di sisi. Sesungguhnya setiap yang hidup akan mati tetapi bersediakah kita untuk menerima realiti ini. Tanggal 2 Ogos 2021, seramai 219 orang terkorban angkara jangkitan COVID-19. Entah berapa ramai ahli keluarga yang menerima berita duka ini, berdepan realiti keganasan virus yang antaranya dikenali sebagai Alpha, Beta dan Delta. Ramai juga yang masih terpinga-pinga atas kehilangan secara tiba-tiba tanpa sebarang tanda yang membantu persediaan minda keluarga untuk

berdepan dengan kematian yang mengejut. Pemergian secara tiba-tiba mengundang rasa hiba, hilang pergi buat selama-lamanya.

“Salam Akhir

*Salam yang teristimewa
Bersama-Nya ku memohon keampunan
Melalui-Nya kuberi kemaafan
Kepadamu...Sudirman”*

Sesungguhnya kita semua akan bertemu jua di akhirat kelak. Kita akan bersama-sama kembali apabila tiba masanya. Itu janji yang pasti akan dilunaskan. Takdir akan menentukan segalanya. Walaupun semua tahu dan percaya tetapi hati tetap terduga. Emosi pasti terganggu jua kerana tiada lagi yang tercinta bersama-sama mengharungi kehidupan di alam semesta. Perlu menunggu masa, giliran yang akan tiba tanpa diketahui masa dan ketika. Hanya taqwa dan kesabaran menjadi bingkisan peneman hari-hari semasa sehingga ke akhirnya. Berikut adalah cadangan untuk menyembuhkan luka di hati dengan cara yang sihat.



Bersabar

Oleh itu persediaan diri setiap individu sangat penting. Kehilangan yang tersayang semestinya membawa kedukaan yang perlu diurus dengan baik supaya kehidupan seharian tidak terganggu. Kitaran kedukaan bermula dengan rasa terkejut dan adakalanya penafian kerana tidak mahu berhadapan kenyataan. Ini adalah normal dan tidak perlu dirisaukan. Sebaiknya tangguhkan dulu keputusan penting yang perlu dibuat sehinggalah anda benar-benar bersedia.

Lahirkan perasaan anda

Ada juga yang akan berasa sakit atas kehilangan, rasa bersalah tanpa sebarang sebab yang kukuh. Ada yang marah sehingga hilang pertimbangan. Merayu masa bersama lagi, meronta kerana tidak mahu melepaskan dan ada juga yang terganggu hidup kerana kemurungan, kesunyian dan sebagainya. Ini juga reaksi normal. Apa yang tidak normal ialah sekiranya semua ini mendominasi kehidupan seterusnya, mengganggu rutin hidup seharian dalam jangka masa yang panjang, membuat keluarga hilang arah dan mengeruhkan keadaan dengan tindakan melulu sehingga menambahkan lagi kedukaan yang lain.

Benarkan diri untuk bergembira

Bangkitlah semula menghadapi cabaran kehidupan demi ahli keluarga lain yang masih memerlukan. Anak-anak yang kecil, ibu dan bapa yang tiada lagi tempat bergantung serta saudara-mara yang mahukan kasih

sayang anda. Tingkatkan semangat mencorakkan kehidupan baharu bersama-sama keluarga yang ada, menyimpan memori bersama yang sudah pergi dan memastikan diri serta keluarga berjaya menghadapi cabaran seterusnya.

Mencari Sokongan

Sesungguhnya penerimaan dugaan sebagai cabaran kehidupan dan setiap kedukaan sebagai azimat kekuatan diri akan memberi bantuan dalam langkah kehidupan seterusnya. Percayalah setiap yang berlaku ada hikmahnya. Yang pasti ialah setiap yang hilang akan diganti dengan sesuatu yang lebih baik untuk kehidupan di masa hadapan. Pastikan anda bersedia untuk segalanya dengan memastikan diri anda sihat, sedia mendapatkan sokongan psikologi daripada ahli keluarga, rakan dan pihak professional apabila perlu, membuat permulaan yang baharu mengikut keupayaan diri dan memastikan anugerah masa bersama keluarga yang ada dimanfaatkan sepenuhnya sebelum anda meninggalkan mereka untuk selamanya.

***“Bila yang tertulis untukku
Adalah yang terbaik untukmu
Kan kujadikan kau kenangan
Yang terindah dalam hidupku
Namun takkan mudah bagiku
Meninggalkan jejak hidupku
Yang telah terukir abadi
Sebagai kenangan yang terindah....Samsons”***

SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2021 PUSPANITA

Artikel oleh: PUSPANITA Cawangan MinDef



Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kebangsaan, Biro Sosial, Sukan dan Kesihatan PUSPANITA Cawangan MinDef dengan kerjasama ahli jawatankuasa yang lain telah merangka dan melaksanakan beberapa aktiviti bagi pengisian Sambutan Bulan Kebangsaan 2021 PUSPANITA Cawangan MinDef. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, merangkap penasihat PUSPANITA Cawangan MinDef pada 18 Ogos 2021 melalui aplikasi Zoom dan juga *FB Live*. Majlis perasmian juga turut disertai Pengurusan Tertinggi MinDef dan ahli-ahli PUSPANITA Cawangan MinDef.

Antara pengisian program sepanjang Sambutan Bulan Kebangsaan ini adalah Pertandingan Kuiz Kahoot Kemerdekaan MinDef 2021 Siri 1 dan 2 yang diadakan pada 18 dan 25 Ogos 2021, Pertandingan Merdeka *Got Talents: Idea Kreatif* diadakan pada 16 Ogos hingga 16 September 2021, Zumba Merdeka pada 31 Ogos 2021 dan Pertandingan Silang kata Merdeka Secara *Online* diadakan pada 14 September 2021.

PROGRAM 1 TENTERA 1 AL-QURAN PENUHI KEPERLUAN KEROHANIAN ANGGOTA MUSLIM ATM

Artikel oleh : KAGAT

Majlis penyerahan naskah Al-Quran sebagai simbolik kepada Program "1 Tentera 1 Al-Quran" (1T1Q) telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di Bilik Kenanga, Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 7 Mei 2021.

Program ini merupakan anjuran Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dengan kerjasama Yayasan Restu Malaysia yang bermatlamat untuk menganugerahkan senaskhah mashaf Al-Quran kepada setiap anggota tentera muslim bagi menyemarakkan penghayatan Al-Quran dalam kalangan mereka di samping sebagai satu inisiatif bagi memenuhi keperluan kerohanian anggota muslim ATM.

Selain untuk menimbulkan kesedaran dan memperkasakan pembudayaan bacaan Al-Quran kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan melalui penghayatan bacaan Al-Quran, program ini diyakini dapat mendidik dan membimbing kerohanian setiap muslim ke arah kebaikan di samping dapat mengetahui rahsia setiap kejadian alam melalui penelitian dan penghayatan isi kandungan Al-Quran. Inisiatif ini sejajar dengan "Program Gerak Gempur Penghayatan Al-Quran" yang terkandung dalam pakej Pelan Strategik KAGAT.






TAHUKAH ANDA?



BAHAGIAN SIBER DAN ELEKTROMAGNETIK PERTAHANAN

Apa itu **SERANGAN SIBER** dan **JENIS SERANGAN SIBER**

Serangan siber adalah serangan yang dijalankan dari komputer terhadap infrastruktur dan infostruktur sistem komputer dengan tujuan menjejaskan **kerahsiaan, integriti, ketersediaan komputer** serta maklumat yang tersimpan di dalamnya.



Sebarang pertanyaan sila e-mel ke selsiber.bsep@mod.gov.my

MOHON & MENANG

PEMBIAYAAN BERPENJAMIN KT



**Pemohon dapat,
penjamin pun dapat...**

Hadiah Utama

30 X Gold Bar 1g
bernilai sehingga RM350

layak untuk kelulusan RM100,000 ke atas

**Petronas Gift Card
80 X RM100**

layak untuk kelulusan
RM50,000 - RM99,999

**Petronas Gift Card
110 X RM50**

layak untuk kelulusan
RM49,999 ke bawah

Anggota akan dihubungi untuk menerima hadiah di cawangan KT berhampiran.

*Tertakluk kepada terma & syarat